

# Dadah: Buruh dihukum gantung

**S**HAH ALAM: Seorang buruh dijatuhi hukuman gantung oleh Mahkamah Tinggi, di sini, semalam, selepas didapati bersalah mengedar dadah jenis kanabis seberat 431 gram, enam tahun lalu.

Hakim Datuk Mohd Zaki Md Yasin membuat keputusan itu terhadap Syarifudin, 26, yang juga seorang warga Indonesia, selepas pihak pendakwaan

berjaya menimbulkan keraguan munasabah atas tuduhan berkenaan.

Mohd Zaki dalam penghakimannya, berkata tertuduh tidak memanggil saksi lain pada peringkat pembelaan dan keterangannya bertentangan dengan saksi pendakwaan.

"Mahkamah berpendapat bahawa prinsip tertuduh sukar dipercayai dan berbentuk penafian

serta gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

"Justeru, hanya satu saja hukuman wajib dikenakan tertuduh iaitu hukuman gantung sampai mati," katanya.

Mengikut pertuduhan, Syarifudin didakwa mengedar ketulan mampat yang dipotong berjenis dadah kanabis di kawasan pembinaan rumah Desa

Pinggiran Putra, Dengkil, dekat sini, pada jam 2 petang, 9 Julai 2003.

Dia didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dihukum mengikut Seksyen 39B(2) akta sama yang jika sabit kesalahan boleh dihukum gantung.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Alferd Egin, manakala tertuduh diwakili peguam SS Ruben.

H.M 25/00/09 M/S 31